OHH!! LAILATUL QADAR...MALAM NI KE??

KEPENTINGAN

✓ **Lailatul Qadar** atau **Malam al-Qadar** telah diketahui umum sebagai malam yang amat istimewa buat seluruh umat Islam. Ia berdasarkan ayat al-Quran dari surah al-Qadr . Firman Allah SWT :

Ertinya **: "Malam Al-Qadar lebih baik dari seribu bulan" (Al-Qadr : 2)** .

✓ Di Malam ini jugalah Nabi SAW bersungguh-sungguh beribadat melebihi malam-malam Ramadhan yang lain. Disebutkan di dalam sebuah hadith :-

Ertinya : **Adalah Nabi SAW, beribadat dengan (lebih) bersungguh dan kuat di sepuluh malam terakhir Ramdhan, tidak sebagaimana baginda di malam-malam yang lain** (Riwayat Muslim, no 1175)

KHILAF (BEZA PENDAPAT)

1. **TANDA-TANDA MALAM AL QADAR** - tanda ini juga adalah amat sukar menjadi tepat kerana suasana dan cuaca sesebuah negara adalah berlainan. Jawabnya, tanda-tanda ini hanyalah contoh yang berlaku di zaman Nabi SAW dan tidak lebih dari itu.

2. **BEZA TARIKH MULA RAMADHAN** - jika negara Arab memulakan puasa pada tarikh yang berbeza dengan negara-negara di Nusantara. Justeru, pada malam ganjil menurut kiraan Malaysia atau Saudi ?. Hal ini sukar diputuskan oleh para Ulama. Sudahnya, mereka menyarankan agar dihidupkan seluruh malam sahaja.

3. **BILA BERLAKU** - sebahagian ulama mengatakannya bersifat **tetap** pada setiap tahun iaitu pada **malam 27 Ramadhan**, manakala majoriti ulama termasuk Imam An-Nawawi As-Syafie pula berpendapat ianya **bertukar-tukar pada setiap tahun** dan tidak kekal pada satu tarikh (Al-Majmu' 6/450). Selain dari itu, berdasarkan dalil hadith al-Bukhari, kemungkinan terbesar adalah jatuh pada tujuh malam terakhir iaitu samada **25, 27 atau 29 Ramadhan** berdasarkan sabdaan Nabi SAW:-

أرى رؤياكم قد تواطأت في السبع الأواخر ، فمن كان متحريها فليتحرها في السبع الأواخر

Ertinya : Aku lihat mimpi kamu (sahabat) telah menepati di tujuh malam terakhir, sesiapa yang mencarinya, maka carilah ia di tujuh malam terakhir" (Riwayat al-Bukhari , no 1911 & Muslim)

WAKTU TERBAIK BERDOA

Waktu berkat lagi makbul ini adalah **luas sepanjang malam**, ia telah disebutkan oleh Allah dengan jelas iaitu :-

سَلَامٌ هِيَ حَتَّى مَطْلَعِ الْفَجْرِ

Ertinya : Malam itu (penuh) kesejahteraan sampai terbit fajar (Al-Qadr : 5)

Inilah yang diterangkan oleh Imam Al-Qurtubi di dalam kitabnya. (Al-Jami' Li Ahkam al-Quran, 20/134)

WANITA HAID TERHALANG DARI KEBERKATAN LAILATULQADAR?

Adakah wanita sedang haid terhalang dari keberkatan lailatul Qadar?. Sudah tentu jawabnya **TIDAK**, Allah s.w.t Maha Adil. Bagi wanita sedang uzur pelbagai amalan dan ibadah yang masih boleh dilakukan seperti :-

1) Berzikir
2) Berdoa
3) Membawa terjemahan Al-Quran serta memahaminya.
4) Mendengar bacaan Al-Quran oleh suaminya, adik beradik atau dari kaset.

Sekian.

Sumber;

Zaharuddin Abd Rahman
http://www.zaharuddin.net/
20 Ramadhan 1428 H
2 Oktober 2007

"AGAMA DIJUNJUNG, PJK TERBILANG"

Disediakan oleh;

Biro Agama
Persatuan Kakitangan Politeknik Jeli (PKPJ) 2015